

TAHAP KASIH SAYANG IBU BAPA TERHADAP REMAJA YANG TERLIBAT DENGAN KERUNTUHAN AKHLAK

Ahmad Faqih Ibrahim
ahmadfaqih@kuim.edu.my
Fakulti Keilmuan Islam
Kolej Universiti Islam Melaka

Ummi Nuwairah Norismail
nuwairahummi@gmail.com

Mustafa Kamal Amat Misra
mustafakamal@kuis.edu.my
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Muhammad Hilmi Mat Johar
hilmi@kuim.edu.my
Fakulti Keilmuan Islam
Kolej Universiti Islam Melaka

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap kasih sayang ibu bapa terhadap remaja yang terlibat dengan keruntuhan akhlak khususnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Malim, Melaka. Seramai 152 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat telah dipilih sebagai responden di dalam kajian ini. Metodologi yang digunakan adalah metodologi kajian kuantitatif yang menggunakan rekabentuk tinjauan dengan menjadikan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Bagi menjelaskan hasil kajian, item-item telah dibahagikan kepada dua aspek iaitu aspek menunjukkan kasih sayang dan dari aspek penolakan. Hasil kajian mendapati bahawa nilai min keseluruhan bagi aspek menunjukkan kasih sayang adalah 3.93 bermakna ibu bapa sangat menunjukkan kasih sayang, manakala dari aspek penolakan adalah 3.48.

Kata Kunci: pelajar, remaja, keruntuhan akhlak, kasih-sayang

THE LEVEL OF PARENTAL AFFECTION TOWARDS ADOLESCENTS INVOLVED WITH MORAL COLLAPSE

Abstract

This study is conducted to identify the level of parental affection towards adolescents involved with moral collapse, especially at Malim Secondary School, Malacca. A total of 152 students comprising four form students were selected as respondents in this study. The methodology used was a quantitative study methodology using survey design by making a questionnaire as a research instrument. To clarify the outcome of the study, the items were divided into two aspects, namely the aspect of showing affection and the rejection aspect. The findings show that the overall mean value of affection is 3.93 means that parents are showing great love, while from the aspect of rejection is 3.48.

Keywords: students, adolescents, moral collapse, affection

Pengenalan

Masalah tingkah laku dan disiplin dalam kalangan remaja mutakhir ini semakin membimbangkan. Badruzaman (2006), menyatakan media massa seringkali memaparkan berita dan cerita mengenai sikap buruk remaja yang masih bersekolah dan pelbagai masalah sosial yang membabitkan mereka. Masalah ini telah memberi kebimbangan kepada semua pihak antaranya pemerintah, masyarakat, guru dan ibu bapa. Buerah, Shanah & Hamimah (2015), menyatakan di dalam kajian mereka bahawa isu keruntuhan akhlak atau istilah lain delinkuen dalam kalangan remaja sentiasa menjadi perhatian media dan percakapan masyarakat.

Jadual 1: Statistik Pelaksanaan Ujian Urin Sekolah Menengah- AADK

Tahun	Diuji	Positif Urin
2013	39163	720
2014	36838	1460
2015	49711	1748
2016	35522	1411
2017	36664	1731

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan menunjukkan jumlah penagih dadah di Malaysia semakin meningkat dari tahun 2013-2017. Ini membuktikan isu keruntuhan akhlak semakin meningkat dan sukar untuk dibendung.

Utusan Malaysia bertarikh 12 Julai 2017, mengikut statistik, seramai 111,895 orang murid iaitu 16,849 murid sekolah rendah dan 95,046 murid sekolah menengah didapati terlibat dengan gejala salah laku disiplin di sekolah pada tahun 2016 di mana ponteng sekolah adalah isu utama dalam salah laku disiplin murid sekolah. Terdapat juga kes-kes lain seperti memukul, bergaduh, merokok dan lain-lain lagi yang perlu diberi perhatian dan dibanteras dengan segera. Jelas statistik seperti ini agak merisaukan anggota masyarakat walaupun pihak kementerian mendapati jumlah murid yang terlibat dengan permasalahan disiplin adalah pada kadar 2.03 peratus setahun sejak 2012 sehingga 2016. Peningkatan yang membimbangkan ini melambangkan keruntuhan akhlak pelajar remaja berada di tahap yang merungsingkan semua pihak. Melihat kepada masalah ini, tindakan dan pengawalan aktiviti pelajar remaja seharusnya perlu ditapis bagi membendung fenomena ini daripada terus menular pada masa akan datang. Selain itu, keruntuhan akhlak ini seringkali dikaitkan dengan faktor kekeluargaan remaja itu sendiri.

Menurut Hashim, Khairulhelmi, Fahmi & Syed Mohamed (2008), institusi keluarga penting dalam mendorong para remaja agar tidak terjebak dengan gejala sosial yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak. Perkara yang utama perlu diambil kira ialah agama. Apabila asas agama menjadi teguh, remaja tidak akan mudah untuk terjebak dengan perkara yang buruk. Peranan ibu bapa penting di sini bagi menunjukkan contoh positif kepada anak-anak dengan mengamalkan cara hidup beragama yang betul dalam kehidupan seharian. Bagi membina akhlak remaja, didikan agama perlu diberikan kepada anak-anak bermula dari kecil sehinggalah dewasa.

Seterusnya, kesibukan bukan halangan kepada ibu bapa untuk meluangkan waktu dan berkomunikasi bersama anak-anak. Komunikasi yang baik, mampu menzahirkan kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak. Bahkan, komunikasi yang berkesan dapat membantu ibu bapa mengetahui perihalan anak-anak. Ibu bapa perlu 'menjadi rakan' kepada anak-anak agar mudah untuk anak-anak mempercayai dan menjadikan mereka sebagai model. Pengkaji-pengkaji di atas juga turut mengatakan, akhlak yang baik dan mulia datangnya daripada sesebuah institusi kekeluargaan yang sejahtera dan bahagia sekaligus membenarkan kata-kata hikmah iaitu rumah adalah akar segala-galanya.

Di samping itu juga, keruntuhan akhlak ini menunjukkan kegagalan sesebuah sistem keluarga dalam membentuk sahsiah serta pendidikan anak-anak yang seharusnya perlu diterapkan nilai-nilai positif sejak dari kecil lagi dalam kehidupan seharian mereka. Jika anak-anak melihat tingkah laku ibu bapa yang tidak baik sejak kecil lagi, maka mereka akan mudah terdorong kepada perkara-perkara negatif apabila meningkat dewasa kelak.

Rumusannya kajian ini cuba memfokuskan kepada ciri-ciri tingkahlaku ibu bapa remaja yang terlibat dengan masalah keruntuhan akhlak. Antaranya ialah, ciri-ciri tingkah laku fizikal, verbal dan anti sosial dikaji bagi melihat sejauh manakah perkara tersebut memberi kesan dalam tingkah laku pelajar remaja yang terlibat dengan keruntuhan akhlak.

Kesalahan Akhlak Remaja

Masalah keruntuhan akhlak yang berlaku dalam kalangan remaja ini boleh ditunjukkan dengan pelbagai cara dan bentuk tanpa mengenal usia dan jantina. Dalam kajian ini, keruntuhan akhlak yang ditafsirkan oleh pengkaji ialah perlakuan yang melanggar etika Islam dan norma kehidupan yang membawa kepada kerosakan jiwa dan nilai-nilai yang baik dalam dirinya. Pelbagai perlakuan salah laku yang dibuat oleh remaja seperti ponteng sekolah, melawan guru, membuli pelajar lain dan sebagainya. Masalah ini jika tidak dibendung boleh membawa kepada salah laku yang lebih serius dan keruntuhan akhlak seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, minum minuman keras, penyalahgunaan dadah, pelacuran, isu pembuangan bayi dan banyak lagi yang membawa kepada masalah keruntuhan akhlak.

Menurut kepada statistik oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, tahun 2003, bilangan kes juvana yang dilaporkan adalah sebanyak 4998 kes. Manakala pada tahun 2004 pula bilangannya meningkat kepada 6056 kes. Selain itu, Utusan Malaysia 31 Januari 2012 memaparkan statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), menunjukkan hampir 70 peratus iaitu daripada 1,060 orang pada tahun 2010 kepada 1,801 orang pada tahun 2011 yang melibatkan wanita tempatan telah dikesan menjadi pelacur di Malaysia ini. Peningkatan ini menggambarkan tentang masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja semakin serius dan sudah tentunya ianya amat membimbangkan semua pihak.

Menurut Husin Bin Junoh (2011), yang telah membuat kajian mengenai masalah keruntuhan akhlak yang bertajuk Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar Di Daerah Kota Tinggi, Johor. Tujuan beliau melakukan kajian ini adalah untuk mengetahui spesifikasi keruntuhan akhlak, mengenalpasti faktor keruntuhan akhlak dan usaha untuk menangani keruntuhan akhlak remaja Islam luar Bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor. Hasil dapatan kajian beliau menemui bahawa spesifikasi keruntuhan akhlak yang paling tinggi ialah spesifikasi melepak seramai 362 daripada 607 orang sampel kajian. Faktor rakan sebaya merupakan faktor paling dominan dalam mempengaruhi masalah keruntuhan akhlak remaja. Bagi usaha menangani masalah ini, pihak FELDA telah bekerjasama dengan pihak sekolah dan polis bagi menangani masalah keruntuhan akhlak dengan mengadakan pelbagai program kesedaran dan pembangunan diri.

Badlihisam et al., (2010), dalam kajian mereka yang bertajuk Perkembangan Sosio-Psikologi Dan Akhlak Remaja Melayu (FELDA): Satu Kajian Preliminari yang di mana mereka mengkaji keadaan sosio-psikologi murid-murid Melayu luar Bandar seperti resilien, tahap penghargaan diri dan kaitannya dengan prestasi akademik, mengkaji nilai dan akhlak murid seperti keikhlasan menjalankan tugas, kepercayaan kepada Allah, kehidupan masyarakat, kesedaran sosial, etika kehidupan, konsep salah benar dan pandangan tentang keseronokan hidup dan mengenalpasti faktor-faktor lain seperti media massa dan ICT yang boleh mempengaruhi perkembangan sosio-psikologi pelajar-pelajar Melayu dalam menghadapi era globalisasi. Bahagian sosio-psikologi pelajar diukur menggunakan empat konstruk iaitu konsep sendiri, daya-tindak menghadapi permasalahan hidup, nilai dan akhlak Islam serta pengaruh faktor lain terhadap sikap pelajar. Dapatan kajian mereka menunjukkan, kebanyakan mereka mempunyai pandangan dan harga diri yang tinggi, bagi strategi daya tindak pula responden menunjukkan skor yang tinggi terhadap perkara tersebut, manakala dari segi tahap perkembangan akhlak yang positif dan pengaruh faktor lain menunjukkan secara umumnya bahawa kebanyakan responden mudah terpengaruh dengan faktor lain. Terdapat beberapa perkara yang memperlihatkan wujud pengaruh negatif dalam kalangan pelajar seperti belajar sangat membosankan, tidak yakin dengan agama yang dianuti serta merasakan pergaulan bebas tidak sepatutnya dihalang dan 'couple' adalah perkara biasa. Pengaruh media massa juga banyak mempengaruhi sikap dan tingkah laku remaja.

Manakala, menurut Nurul Huda Binti Abd Razak (2011), di dalam kajiannya yang bertajuk Pengaruh Internet Terhadap Keruntuhan Akhlak Remaja Islam: Kajian Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan, UTM, di mana beliau membuat kajian ini untuk mengetahui persepsi mahasiswa

terhadap internet, melihat sejauh mana hubungan Facebook, Youtube dan Blog menyumbang kepada keruntuhan akhlak remaja Islam dan untuk mengenal pasti pengaruh internet seperti Facebook, Youtube dan Blog terhadap masalah keruntuhan akhlak remaja Islam. Responden dalam kajian ini adalah seramai 78 orang. Hasil kajian mendapati bahawa persepsi mahasiswa terhadap internet adalah tinggi, manakala Facebook dan Blog mempunyai hubungan yang lemah dengan keruntuhan akhlak remaja akan tetapi Youtube mempunyai hubungan yang sederhana. Bagi pengaruh internet terhadap masalah keruntuhan akhlak pula ialah hanya Youtube yang mempunyai pengaruh manakal Facebook dan Blog tidak mempunyai pengaruh terhadapnya.

Seterusnya, Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan (2011), dalam kajian mereka yang bertajuk Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh Melaka yang mengkaji mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial. Masalah sosial juga merupakan salah satu daripada masalah keruntuhan akhlak remaja. Dalam kajian ini, terdapat empat persoalan kajian yang diutarakan iaitu faktor diri sendiri, latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan permasalahan persekitaran sekolah. Dapatan kajian menunjukkan faktor diri sendiri paling mempengaruhi responden terlibat dalam masalah sosial berbanding pengaruh rakan sebaya dan permasalahan persekitaran sekolah. Walau bagaimanapun, analisis mendapati latar belakang keluarga bukanlah faktor penting responden terlibat dalam masalah sosial ini.

Kasih Sayang Ibu Bapa

Anak-anak iaitu remaja dalam kajian ini amat memerlukan kasih sayang daripada ibu bapa di dalam kehidupan seharian mereka. Anak-anak yang kurang menerima kasih sayang dan berinteraksi bersama keluarga mudah cenderung melakukan tingkah laku yang merosakkan akhlak mereka. Patterson et al., (1989), mengatakan remaja mudah terpengaruh dengan masalah sosial apabila institusi keluarga gagal berinteraksi secara berkesan dengan anak-anak.

Dalam kajian Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim (2015), turut menyatakan disebabkan apabila remaja tidak mendapat kasih sayang di rumah, maka mereka cenderung untuk mencari sesuatu bagi memenuhi kekosongan yang mereka rasakan dalam diri mereka. Hal ini wujud apabila ibu bapa lebih menumpukan perhatian dalam mencari nafkah lalu mengabaikan tanggungjawab dan perhatian yang seharusnya diberikan kepada anak-anak. Perkara ini dinyatakan pengkaji dalam kajian beliau yang bertajuk, Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/Pelajar Muslim Bersepadu yang membincangkan mengenai faktor-faktor berlakunya delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah dan cara-cara membendung perlakuan tidak bermoral tersebut.

Seterusnya, kajian yang dibuat oleh Fatimah Binti Ali (2007), ada menyebut mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah sosial remaja iaitu kekurangan kasih sayang dan penjagaan ibu bapa, pengaruh negatif rakan sebaya, kekurangan pendidikan agama dan lain-lain. Ibu bapa menjadi salah satu faktor masalah sosial apabila komunikasi dengan ibu bapa hanya bersifat formal dan terhad terhadap perkara-perkara tertentu sahaja. Ramai remaja yang tidak mahu berkongsi masalah dengan ibu bapa mereka kerana tidak mahu dikawal dan dikongkong. Ibu bapa seharusnya bergaul dengan anak-anak pada peringkat ini sebagai 'rakan' agar dapat menyelami hati dan pandangan mereka. Dengan cara ini, mereka tidak lagi menjadikan kawan sebagai penasihat mereka yang mana mungkin akan membawa mereka ke jalan yang salah.

Pengkaji lain yang turut melihat hubungan keluarga dari aspek komunikasi yang berkesan mampu mengeratkan hubungan antara ibu bapa dan anak sekaligus menambahkan lagi kasih sayang ialah Che Hasniza Che Noh (2004). Pengkaji menyatakan, sesebuah keluarga dapat berfungsi dengan baik apabila komunikasi yang positif dan berkesan diamalkan dalam sesebuah keluarga. Apabila komunikasi berlangsung dengan baik, maka hubungan anak dan ibu bapa akan bertambah rapat, wujudnya kasih sayang dan sekaligus melancarkan proses penyelesaian masalah. Gangguan komunikasi yang terganggu dalam keluarga yang bermasalah akan menyebabkan remaja mengalami sakit mental atau mengalami kesukaran psikologi yang serius seperti yang dinyatakan oleh Conger dan Peterson, (1984).

Kaedah Kajian

Kajian ini telah memilih 152 orang pelajar daripada 240 orang pelajar tingkatan empat di SMK Malim sebagai responden kajian. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah metodologi kuantitatif dengan rekabentuk tinjauan. Data-data dikumpulkan menggunakan instrumen soal selidik dianalisis dengan bantuan perisian *Statistical Package For Social Science v20*.

Analisis Data Dan Perbincangan Analisis Statistik Deskriptif

Analisis ini diuraikan berdasarkan kekerapan, peratusan dan min. Ciri-ciri tingkah laku ibu bapa, diinterpretasikan berdasarkan jadual 2 dengan nilai min antara 1.00 hingga 2.33 diinterpretasikan sebagai tahap rendah, 2.34 hingga 3.66 sebagai tahap sederhana dan 3.67 hingga 5.00 sebagai tahap tinggi (Mohd Najib Ghafar, 2003).

Jadual 2: Interpretasi Min

Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Tafsiran Statistik Min Menurut Najib, 2003.

Tahap kasih sayang ibu bapa terhadap remaja yang terlibat dengan masalah keruntuhan akhlak

Analisis bagi menentukan tahap kasih sayang ibu bapa terhadap remaja yang terlibat dengan masalah keruntuhan akhlak telah dilakukan dengan menggunakan min, kekerapan, peratusan dan sisihan piawai. Bagi mendapatkan hasil yang lebih jelas, item-item telah dibahagikan kepada dua aspek iaitu aspek menunjukkan kasih sayang dan dari aspek penolakan.

Jadual 3: Tahap Kasih Sayang Ibu Bapa Remaja Dari Aspek Menunjukkan Kasih Sayang

Item	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	MIN	SP	Interpretasi
Ibu/bapa saya mampu meluangkan masa untuk saya walaupun mereka sibuk	2.0	3.3	27.6	40.8	26.3	3.86	0.914	Tinggi
Ibu/bapa saya memahami dan mengambil berat tentang diri saya	0.7	5.9	14.5	44.7	34.2	4.08	0.886	Tinggi
Ibu/ bapa saya sedia memberikan nasihat dan bimbingan apabila saya menghadapi masalah	2.0	4.6	16.4	40.8	36.2	4.05	0.944	Tinggi
Ibu/bapa saya memberikan bantuan apabila saya memerlukan	0.7	4.6	11.8	46.1	36.8	4.14	0.846	Tinggi
Ibu/bapa saya mempamerkan kasih sayang mereka kepada	3.3	4.6	17.8	39.5	34.9	3.98	1.006	Tinggi

saya									
Ibu/bapa saya cuba memenuhi permintaan saya walaupun sukar	3.9	6.6	25.0	38.2	26.3	3.76	1.040	Tinggi	
Ibu/bapa saya menunjukkan sikap lemah lembut kepada saya	3.3	7.9	29.6	39.5	19.1	3.64	0.990	Sederhana	
Ibu saya suka memasak makanan kegemaran saya	1.3	6.6	22.4	32.2	37.5	3.98	0.993	Tinggi	
Ibu/bapa saya sering bertanyakan tentang hal pelajaran saya	2.6	7.2	23.0	32.9	34.2	3.89	1.046	Tinggi	
<hr/>									
Min Keseluruhan = 3.93									

Jadual 3 menunjukkan taburan tahap hubungan kasih sayang ibu bapa terhadap remaja dari aspek menunjukkan kasih sayang berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pernyataan “Ibu atau bapa saya memberikan bantuan apabila saya memerlukan” mencatat min tertinggi iaitu 4.14 dan sisihan piawai 0.846. Sebanyak 0.7 % responden menjawab sangat tidak setuju, 4.6 % tidak setuju, 11.8 % kurang setuju, 46.1 % setuju dan 36.8 % sangat setuju.

Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan “Ibu atau bapa saya memahami dan mengambil berat tentang diri saya” menunjukkan 0.7 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 5.9 % tidak setuju, 14.5 % kurang setuju, 44.7 % setuju dan selebihnya 34.2 % sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.08 dan sisihan piawai 0.886.

Pernyataan “Ibu atau bapa saya sedia memberikan nasihat dan bimbingan apabila saya menghadapi masalah” menunjukkan seramai 2.0 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 4.6 % tidak setuju, 16.4 % kurang setuju, 40.8 % setuju dan selebihnya 36.2 % sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.05 dan sisihan piawai 0.994.

Bagi pernyataan “Ibu atau bapa saya mampu meluangkan masa untuk saya walaupun mereka sibuk” mencatat min 3.86 dan sisihan piawai 0.914. Sebanyak 2.0 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 3.3 % tidak setuju, 27.6 % kurang setuju, 40.8 % setuju dan 26.3 % menyatakan sangat setuju.

Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan “Ibu atau bapa saya cuba memenuhi permintaan saya walaupun sukar” menunjukkan 3.9 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 6.6 % tidak setuju, 25.0 % kurang setuju, 38.2% setuju dan selebihnya 26.3 % sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 3.76 dan sisihan piawai 1.040.

Pernyataan “Ibu atau bapa saya menunjukkan sikap lemah lembut kepada saya” menunjukkan seramai 3.3 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 7.9 % tidak setuju, 29.6 % kurang setuju, 39.5 % setuju dan selebihnya 19.1 % sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah yang paling rendah iaitu 3.64 dan sisihan piawai 0.990.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.93. Ini menunjukkan tahap kasih sayang ibu bapa terhadap remaja adalah tinggi.

Jadual 4: Tahap Kasih Sayang Ibu Bapa Remaja Dari Aspek Penolakan

Item	1	2	3	4	5	MIN	SP	Interprestasi
	STS %	TS %	KS %	S %	SS %			
Ibu/bapa mencemuh saya apabila saya melakukan kesilapan.	8.6	9.9	32.2	31.6	17.8	3.40	1.147	Sederhana
Ibu/ bapa saya tidak mengingati akan hari jadi saya dan tidak mengucapkan selamat harijadi / lupa menyambut hari jadi saya	5.3	7.2	20.4	25.0	42.1	3.91	1.179	Tinggi

setiap tahun.										
Ibu/bapa saya tidak mengambil peduli tentang apa yang berlaku kepada saya.	1.3	3.3	18.4	23.0	53.9	4.25	0.958		Tinggi	
Ibu/bapa saya menganggap saya sering menyusahkan mereka.	50.7	28.9	9.2	10.5	0.7	1.82	1.026		Rendah	
Ibu/bapa saya terlalu sibuk hingga tidak berpeluang untuk bersama saya.	0.7	5.3	24.3	23.7	46.1	4.09	0.986		Tinggi	
Ibu/bapa saya suka membanding-bandingkan saya dengan adik-beradik lain.	35.5	17.8	22.4	19.1	5.3	2.41	1.289		Sederhana	
Ibu/bapa saya tidak memberi pujian pada saya apabila saya berjaya melakukan sesuatu dengan baik.	4.6	6.6	23.0	23.7	42.1	3.92	1.154		Tinggi	
Ibu/bapa saya tidak mengetahui apa yang saya suka dan apa yang saya tidak suka.	5.3	5.3	21.7	27.0	40.8	3.93	1.146		Tinggi	
Ibu/bapa saya bukanlah tempat saya mengadu sebarang masalah yang saya hadapi.	8.6	13.2	21.7	16.4	40.1	3.66	1.347		Sederhana	

Min Keseluruhan = 3.48

Jadual 4 menunjukkan taburan tahap hubungan kasih sayang ibu bapa terhadap remaja dari aspek penolakan berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pernyataan "Ibu atau bapa tidak mengambil peduli tentang apa yang berlaku kepada saya" mencatat min tertinggi iaitu 4.25 dan sisihan piawai 0.958. Sebanyak 1.3 % responden menjawab sangat tidak setuju, 3.3 % tidak setuju, 18.4 % kurang setuju, 23.0 % setuju dan 53.9 % sangat setuju.

Bagi pernyataan "Ibu atau bapa saya terlalu sibuk hingga tidak berpeluang untuk bersama saya" mencatat min 4.09 dan sisihan piawai 0.986. Sebanyak 0.7 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 5.3 % tidak setuju, 24.3 % kurang setuju, 23.7 % setuju dan 46.1 % menyatakan sangat setuju.

Bagi pernyataan "Ibu atau bapa saya tidak mengetahui apa yang saya suka dan apa yang saya tidak suk" mencatat min 3.93 dan sisihan piawai 1.146. Sebanyak 5.3 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 5.3 % tidak setuju, 21.7 % kurang setuju, 27.0 % setuju dan 40.8 % menyatakan sangat setuju.

Hasil analisis mendapati bagi pernyataan "Ibu atau bapa mencemuh saya apabila saya melakukan kesilapan" menunjukkan 8.6 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 9.9 % tidak setuju, 32.2 % kurang setuju, 31.6 % setuju dan selebihnya 17.8 % sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 3.40 dan sisihan piawai 1.147.

Pernyataan "Ibu atau bapa saya suka membanding-bandingkan saya dengan adik beradik lain" menunjukkan seramai 35.5 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 17.8 % tidak setuju, 22.4 % kurang setuju, 19.1 % setuju dan selebihnya 5.3 % sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 2.41 dan sisihan piawai 1.289.

Bagi pernyataan "Ibu atau bapa saya menganggap saya sering menyusahkan mereka" mencatat min yang paling rendah iaitu 1.82 dan sisihan piawai 1.026. Sebanyak 50.7 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 28.9 % tidak setuju, 9.2 % kurang setuju, 10.5 % setuju dan 0.7 % menyatakan sangat setuju.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.48. Ini menunjukkan tahap kasih sayang ibu bapa terhadap remaja dari aspek penolakan adalah sederhana.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa Tahap Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Yang Terlibat Dengan Masalah Keruntuhan Akhlak ini telah dibahagikan kepada dua aspek iaitu aspek menunjukkan kasih sayang dan aspek penolakan. Dalam aspek menunjukkan kasih sayang, item yang mempunyai min tertinggi ialah "Ibu atau bapa saya memberikan bantuan apabila saya memerlukan". Hal ini menunjukkan ibu bapa tetap membantu remaja jika menghadapi sebarang masalah. Untuk item yang memiliki min paling rendah adalah "Ibu atau bapa saya menunjukkan sikap lemah lembut kepada saya". Remaja merasakan ibu bapa seolah-olah tidak menyanyanginya apabila tiada sikap lemah lembut yang ditunjukkan kepada mereka.

Min yang mendominasi dalam aspek penolakan ialah item ialah "Ibu atau bapa saya tidak mengambil peduli tentang apa yang berlaku kepada saya". Hal ini menunjukkan bahawa ibu bapa menunjukkan sikap tidak ambil peduli kepada diri remaja. Sepatutnya hal sebegini tidak berlaku kerana ibu bapa perlu menunjukkan sikap prihatin dan ambil tahu terhadap diri remaja. Apabila ibu bapa mengambil berat kepada remaja, remaja akan merasakan diri mereka disayangi dan diperlukan oleh ibu bapa. Min yang terendah dalam aspek ini adalah item "Ibu atau bapa saya menganggap saya sering menyusahkan mereka". Remaja menyedari bahawa ibu bapa masih menyanyangi mereka walaupun mereka melakukan kesalahan. Ini kerana ibu bapa sering menunjukkan kasih sayang mereka serta tidak mengeluarkan perkataan 'menyusahkan' itu terhadap remaja.

Rujukan

- Badruzaman Bin Baharom. 2006. Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja Di Daerah Pontian, Johor. Latihan Ilmiah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Badlihisam Mohd Nasir, Rozmi Ismail, Syarul Azman Shaharuddin, Mohd Musa Sarip, Ahmad Faqih Bin Ibrahim. 2010. Perkembangan Sosio-Psikologi Dan Akhlak Remaja Melayu (FELDA): Satu Kajian Preliminari. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. 2015. Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari* 7 (2): 11-30.
- Che Hasniza Che Noh. 2004. Hubungan Keluarga Dari Aspek Komunikasi Dan Gaya Keibubapaan. Latihan Ilmiah. Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) Kuala Terengganu, Terengganu.
- Conger, J.J. & Peterson, A.C. 1984. *Adolescence and youth: Psychological development in a changing world*. New York: Harper and Row Publishers.
- Fatimah Binti Ali. 2007. Masalah Sosial Pelajar Dan Hubungannya Dengan Kemosrotan Pembelajaran. *Jurnal Usuluddin* 25: 145-154.
- Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid & Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor. 2008. *Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga: Isu dan Cabaran*. Dalam Seminar Kaunseling Keluarga di Johor Bahru, Malaysia.
- Husin Bin Junoh. 2011. Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar Di Daerah Kota Tinggi, Johor. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Mohd Najib Ghafar. 2003. Penyelidikan Pendidikan. Johor Bahru. Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurul Huda Binti Abd Razak. 2011. Pengaruh Internet Terhadap Keruntuhan Akhlak Remaja Islam: Kajian Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan, UTM. Latihan Ilmiah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Patterson, G. 1989. *A Developmental Perspective on Antisocial Behaviour*. *American Psychologist*, 44, 329-335.
- Utusan Malaysia*. 2017. 12 Julai.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi

Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka.
Journal of Education Psychology & Counseling **1**: 115-140.